

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 9 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN :

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan program yang disediakan oleh Kementerian bagi membantu
kehidupan bapa tunggal yang memerlukan.**

JAWAPAN:

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa komited dalam memberi perkhidmatan kepada kumpulan sasar termasuk bapa tunggal bagi meningkatkan kualiti hidup serta kesejahteraan golongan tersebut.

Bagi membantu kehidupan bapa tunggal yang memerlukan, KPWKM melalui JKJ menyalurkan bantuan kewangan di bawah Skim Bantuan Kanak-Kanak bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan anak-anak bapa tunggal terpelihara. Bantuan diberikan kepada bapa tunggal miskin yang memberi jagaan kepada kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah dengan kadar RM100 sebulan untuk seorang kanak-kanak dan maksimum RM450 sebulan sekeluarga. Pada tahun 2012, sebanyak RM11.5 juta telah disalurkan kepada sejumlah 3,376 orang bapa tunggal di seluruh negara untuk menampung keperluan sara hidup anak mereka. Pada tahun 2013, pula seramai 3,924 orang bapa tunggal telah mendapat bantuan ini, melibatkan peruntukan sebanyak RM14.2 juta.

Selain itu, JKM juga menyediakan bantuan kewangan kepada keluarga golongan bapa tunggal miskin menerusi skim Bantuan Am. Pada tahun 2012, sebanyak RM5.7 juta telah disalurkan kepada sejumlah 3,167 orang bapa tunggal di seluruh negara untuk menampung keperluan sara hidup mereka. Pada tahun 2013, pula seramai 3,019 orang bapa tunggal telah mendapat bantuan ini, melibatkan peruntukan sebanyak RM7.3 juta.

Penerima bantuan JKM golongan bapa tunggal miskin turut digalakkan untuk berusaha memperbaiki tahap sosioekonomi mereka dan tidak bergantung sepenuhnya kepada bantuan kebajikan. Insentif dalam bentuk Geran Pelancaran disediakan dengan kadar RM2,700 kepada golongan bapa tunggal miskin yang ingin menjalankan perniagaan bagi menjana pendapatan agar mereka dapat hidup berdikari dan tidak berterusan bergantung kepada pemberian bantuan kebajikan. Pada tahun 2012, seramai 22 orang bapa tunggal telah menerima Bantuan Geran Pelancaran melibatkan peruntukan sebanyak RM59,400 dan pada tahun 2013 pula, seramai 6 orang bapa tunggal telah menerima Bantuan Geran Pelancaran melibatkan peruntukan sebanyak RM16,200.

Selain itu, melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP), antara inisiatif yang telah dijalankan oleh kerajaan adalah seperti Program 1AZAM di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA): Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH) yang diterajui oleh KPWKM. Program ini ditawarkan kepada golongan berpendapatan rendah bagi membolehkan mereka berdikari dalam usaha meningkatkan pendapatan keluarga. Program yang berkonsepkan kebajikan produktif ini menyediakan peluang untuk menjana pendapatan kepada golongan berpendapatan rendah, termasuk golongan bapa tunggal, dalam bidang perniagaan, pertanian, perkhidmatan dan pekerjaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

SOALAN :-

Y.B. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [TASEK GELUGOR] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa banyakkah Persatuan Bomba Sukarela yang ditubuhkan di Malaysia dan apakah bentuk bantuan yang diberikan oleh Kementerian kepada persatuan-persatuan tersebut.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pasukan Bomba Sukarela (PBS) adalah pasukan sokongan yang memberi perkhidmatan kebombaanan kepada masyarakat khususnya di kawasan ia ditubuhkan. Secara keseluruhannya terdapat sebanyak 343 buah Pasukan Bomba Sukarela (PBS) yang telah ditubuhkan di seluruh Malaysia. Bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan kepada pasukan-pasukan ini adalah seperti berikut:

- i. Pemberian **Peralatan Perlindungan Diri** atau *Personal Protective Equipment* (PPE) yang meliputi jaket api, kasut api, helmet dan sarung tangan; dan
- ii. Pemberian **kelengkapan pemadaman kebakaran** seperti hos dan pam angkut.

Sehingga 31 Mei 2014, PBS telah dibekalkan dengan kenderaan kebombaanan seperti berikut;

- i. 59 unit kenderaan Jepun
- ii. 170 unit Proton Arena
- iii. 30 unit Mitsubishi Triton

Kerajaan juga telah memberikan geran pengurusan sebanyak RM3,000.00 kepada PBS yang aktif dan berdaftar. Selain daripada itu, ahli-ahli PBS yang aktif dan berdaftar juga turut diberikan perlindungan insuran berkelompok. Di antara faedah yang akan dinikmati oleh ahli yang dilindungi adalah seperti berikut:

- i. manfaat kematian sehingga RM 44,000.00 bagi kematian akibat kemalangan;
- ii. manfaat kematian sehingga RM 22,000.00 bagi kematian biasa;
- iii. manfaat harian wad hospital sebanyak RM 35.00 sehari jika peserta dimasukkan ke mana-mana hospital yang diiktiraf akibat penyakit atau kemalangan (maksimum 26 minggu); dan

iv. manfaat pengebumian yang akan diberikan untuk urusan-urusan pengebumian jika berlakunya kematian ke atas peserta, isteri dan anak-anak. Jumlah manfaat pengebumian untuk anggota PBS ialah sebanyak RM 3,000.00 manakala jumlah untuk isteri dan anak pula ialah sebanyak RM1,000.00, maksimum sehingga 4 orang anak.

PBS juga akan diberi latihan dari semasa ke semasa secara percuma oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA: Y.B. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah guru/kakitangan pendidikan yang menghadapi masalah tekanan mental dan apakah punca serta langkah-langkah mengatasinya.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 5 Jun 2014, data Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mendapati seramai 235 orang guru yang menghadapi masalah gangguan emosi termasuk tekanan mental. Dalam hal ini, KPM menyediakan khidmat sokongan sosial melalui kaunselor organisasi yang dilaksanakan secara berterusan bagi membantu guru-guru yang menghadapi gangguan emosi dan gangguan mental yang serius atau terpengaruh dengan perkara-perkara yang mengganggu tugas hakiki mereka. Selain itu, pemantauan oleh pihak pentadbir sekolah dan laporan berkala kepada Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Bahagian Psikologi dan Kaunseling KPM, turut dilaksanakan bagi memantau perkembangan guru-guru tersebut. Tindakan-tindakan lain yang diambil oleh KPM bagi mengatasi guru-guru sedemikian adalah:-

- a) Guru-guru tersebut ditawarkan untuk ke Jawatan Kumpulan (POOL) berdasarkan kepada Pekeliling 18 Tahun 2005 Panduan Aplikasi Psikologi dalam Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Malaysia Bil. 2 Tahun 2009 Urusan Pertukaran dan Pengurusan Pegawai

Perkhidmatan Pendidikan dan Anggota Kumpulan Sokongan dalam Jawatan Kumpulan; dan

- b) Guru-guru tersebut juga dicadangkan untuk mendapatkan rawatan daripada psikiatrik, yang dilaksanakan melalui jalinan hubungan kaunselor Organisasi KPM dengan psikiatrik di Kementerian Kesihatan Malaysia.

Rt35